



جَبَاتَانْ هَالْ اَهْوَالْ اِغَامَا اِيسْلَامْ نَغِيرِي سَابَاهْ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اَلْخُطْبَةُ الْجُمُعِيَّةُ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

22 Rabiulawal 1448H/4 September 2026M

“WAKAF: KETIKA HARTA BERHENTI, PAHALA TERUS BERSEMI”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah Jumaat menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak kod QR ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ
سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah sama-sama kita berusaha mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya takwa merupakan sebesar-besar bekalan dalam kehidupan, dan dengan perbuatan tersebut Allah SWT mengurniakan keamanan kepada hati, keberkatan kepada umur, serta kesejahteraan kepada sesebuah masyarakat. Khatib ingin mengingatkan para jamaah agar memberikan tumpuan sepenuhnya kepada khutbah yang akan disampaikan. Jangan berbual-bual, tidur dengan sengaja, ataupun bermain telefon bimbit, kerana perbuatan tersebut boleh merosakkan pahala solat Jumaat. Sebaliknya, mendengar khutbah dengan penuh perhatian adalah sebahagian daripada kesempurnaan solat Jumaat. Pada hari ini, kita berada pada bulan **September 2026**, yang mana di peringkat negeri pada setiap tahun, bulan ini diangkat dan diisytiharkan sebagai **Sambutan Bulan Wakaf Peringkat Negeri Sabah**.

Justeru, mimbar pada hari ini akan mengupas khutbah yang bertajuk ***“Wakaf: Ketika Harta Berhenti , Pahalanya Terus Bersemi.”***

JAMAAH YANG BERBAHAGIA,

Islam meletakkan amalan infak dan sedekah jariah seperti wakaf di tempat yang sangat tinggi. Al-Quran merekodkan ganjaran melimpah ruah bagi mereka yang menafkahkan harta pada jalan Allah melalui firman-Nya dalam surah al-Baqarah, ayat 261 yang telah dibacakan diawal khutbah sebentar tadi ***yang bermaksud:*** *“Bandingan (derma) orang-orang yang menginfakkan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat-Nya), lagi Maha Mengetahui.”*

SIDANG JAMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Betapa besarnya kelebihan dan ganjaran orang yang berwakaf turut ditegaskan oleh Baginda Nabi SAW melalui pelbagai hadis sahih. Antaranya, sabda Nabi SAW dalam hadis riwayat Imam Muslim:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ: إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ.

Maksudnya: *“Apabila mati seorang anak Adam, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah (wakaf), ilmu yang dimanfaatkan, atau anak soleh yang mendoakannya.”*

Hadis ini membawa satu berita gembira yang luar biasa. Walaupun seseorang itu telah berada di alam barzakh, terputus segala urusan

dunia, pahala amalan wakafnya (sedekah jariah) tetap terus mengalir tanpa henti selagi mana hartanya dimanfaatkan oleh masyarakat, sama ada menerusi sekolah, masjid, taman perkuburan, madrasah tahfiz, hospital, atau utiliti umum lain yang dibangunkan.

Malah, dalam sebuah kisah agung, apabila Saidina Umar bin Al-Khattab radiallahuanhu ingin mewakafkan sebidang tanah berharga di Khaibar, Rasulullah SAW memberikan panduan dan kelebihan khusus dengan bersabda:

إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا، وَتَصَدَّقْتَ بِهَا.

Maksudnya: “Jika kamu mahu, tahanlah asalnya (asal harta/tanah wakaf) dan sedekahkanlah hasilnya (manfaat).” (Riwayat Muttafaqun 'Alaih).

Kehebatan pelaburan akhirat ini turut digambarkan dalam kisah amalan wakaf Saidina Uthman bin Affan radiallahuanhu, antaranya ketika beliau membeli perigi rumah untuk disedekahkan kepada umum, yang mana pahala dan keberkatannya terus mengalir dan berkembang melangkaui zaman berzaman. Inilah kelebihan istimewa wakaf: hartanya kekal, manfaatnya meluas, dan pahalanya terus bertambah di sisi Allah SWT.

Di negeri Sabah, semangat berwakaf ini diterjemahkan secara nyata. Berdasarkan statistik setakat tahun 2025, negeri Sabah mempunyai sebanyak 1,188 lot tanah wakaf dengan keluasan 644 ekar tanah yang telah diwartakan dan selesai pewakafannya. Daripada jumlah itu, sebanyak 670 lot telah dibangunkan untuk pembinaan masjid, surau, taman perkuburan, institusi pendidikan, dan tahfiz, serta pelbagai kegunaan lain seperti dewan, perpustakaan, dan pusat kebajikan.

Selain itu, pembangunan komersial wakaf seperti projek Bazaar Perniagaan dan menara telekomunikasi, di samping cadangan projek strategik seperti Hospital Wakaf dan Hotel Wakaf, terus digerakkan perancangannya untuk direalisasikan pada masa hadapan. Adapun, kutipan Wakaf Tunai sehingga hujung tahun 2026 pula dijangka mencapai sebanyak RM 3,000,000.00 yang mana sebahagian besar manfaat dana tersebut telah diagihkan semula untuk pelbagai manfaat pendidikan, kesihatan, teknologi digital sekolah, serta penaiktarafan masjid di seluruh negeri Sabah.

JAMAAH YANG DIHORMATI SEKALIAN,

Bersempena dengan **Bulan Wakaf Peringkat Negeri Sabah Edisi ke-4 (September)** ini, kesedaran berwakaf perlu terus digilap. Pintu wakaf kini dibuka seluas-luasnya, sama ada melalui aset hartanah mahupun menerusi elemen Wakaf Tunai, agar setiap lapisan masyarakat berpeluang meraih pahala jariah yang dijanjikan.

Namun, bagi memastikan ganjaran dan pahala ini sampai dengan selamat serta harta wakaf kekal subur tanpa sengketa, harta yang wujudnya hasrat dan niat untuk diwakafkan seharusnya didaftarkan kepada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Berdasarkan **Seksyen 3(1) Enakmen Wakaf (Negeri Sabah) 2018**, MUIS diiktiraf secara sah sebagai Pemegang Amanah Tunggal bagi semua hartanah, aset mawquf, dan dana wakaf di negeri ini. Peranan MUIS menjamin:

Pertama: Kelestarian Aset: Melindungi harta wakaf daripada pencerobohan, salah urus, atau tergugat pemilikannya.

Kedua: Pengurusan Telus dan Syarie: Mentadbir aset secara profesional demi kepentingan jangka panjang ummah.

Ketiga: Menutup ruang perbalahan waris dengan memastikan niat murni pewakaf terlaksana sepenuhnya tanpa dicabar oleh mana-mana pihak.

Oleh itu, marilah kita menyahut seruan Bulan Wakaf ini dengan menyumbang wakaf tunai dan mendaftarkan aset harta wakaf melalui saluran rasmi MUIS, demi menjamin keberkatan dan kelestarian pahala jariah yang berterusan.

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari Jumaat yang mulia ini, marilah kita sama-sama mengambil iktibar:

Pertama: Rebutlah peluang keemasan meraih ganjaran pahala yang tidak terputus melalui amalan berwakaf, khusus sebagai bekalan abadi di alam barzakh.

Kedua: Manfaatkan saluran rasmi MUIS untuk berwakaf agar harta ummah terus terpelihara di bawah peruntukan undang-undang dan landasan hukum syarak.

Ketiga: Bersama-samalah kita mendoakan agar kesedaran berwakaf terus subur dalam kalangan umat Islam di negeri Sabah, demi merealisasikan visi menjadikan negeri ini sebagai sebuah negeri yang mesra ibadah wakaf menjelang tahun 2030.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَعَلِّمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَحَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفْرَتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, turunkanlah kepada kami hujan yang bermanfaat lagi diberkati. Jadikanlah ia sebagai rahmat dan janganlah Engkau jadikannya sebagai azab. Jauhkanlah daripada kami segala bala, wabak dan penyakit. Peliharalah kami daripada segala keburukan penyakit dan musibah. Hilangkanlah daripada kami kesusahan, bencana dan kemarau. Turunkanlah kepada kami keberkatan dari langit dan keluarkanlah untuk kami keberkatan dari bumi. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Ya Allah, Ya Rahman Ya Rahim, Bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin, dan di setiap pelosok alam yang dicengkam kezaliman. Jadilah Engkau sebaik-baik Pelindung yang memayungi mereka, Penolong yang mengubati duka lara mereka, dan Penyokong yang meneguhkan langkah mereka.

Ya Allah, ampunkanlah dosa kami dan dosa kedua ibu bapa kami. Peliharalah institusi kekeluargaan kami agar dipenuhi dengan *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah*. Jadikanlah rumah tangga kami sebagai madrasah yang menyemai iman dan ketakwaan dalam diri anak-anak kami.

Ya Allah, kurniakanlah kami rezeki untuk sentiasa mengikuti sunnah Rasulullah SAW, berpegang teguh dengan petunjuknya, meneladani akhlaknya yang mulia dalam kehidupan seharian kami, sehingga kami bertemu dengan-Mu dalam keadaan reda dan diredai.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap *tabayyun* serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah di masjid, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah, kurniakanlah kami kekuatan agar dapat menghadirkan diri dalam solat Subuh, sebagaimana ramainya kami hadir menunaikan solat Jumaat pada hari ini. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ،
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com